

Oleh Presiden Dieter F. Uchtdorf
Penasihat Kedua di dalam Presidensi Utama



Dikelilingi di dalam Pelukan Kasih-Nya

Seperti ramai orang, saya selalu diilham oleh seni lukis dan muzik. Suatu hari saya berdiri di depan satu lukisan oleh seorang artis Denmark, Frans Schwarz, yang bertajuk *Penderitaan di dalam Taman*.¹

Lukisan yang cantik ini menunjukkan Juruselamat berlutut di dalam Taman Getsemani. Semasa Dia berdoa, seorang malaikat berdiri di sebelah-Nya, memeluk Dia, memberikan bantuan, pertolongan surgawi, dan sokongan.

Lebih lama saya merenungkan lukisan ini, hati dan minda saya lebih penuh dengan perasaan halus dan kesyukuran. Saya boleh rasa, hanya sebahagian yang kecil, bagaimana Juruselamat rasa semasa Dia mulakan kepuncakan kerja kefanaan-Nya dengan mengambil ke atas diri sendiri dosa-dosa dunia.

Pengorbanan Putera Tuhan

Setiap tahun pada masa ini kita memperingatkan dan merenungkan pengorbanan Yesus Kristus untuk semua manusia.

Perkara yang dilakukan oleh Juruselamat dari Getsemani ke Golgota untuk pihak kita melebihi kefahaman saya. Dia angkat ke atas diri sendiri beban dosa kita dan bayarkan satu tebusan abadi untuk pelanggaran asal Adam dan juga untuk dosa-dosa dan pelanggaran semua jiwa yang pernah hidup. Pengorbanan yang abadi dan yang kudus ini menyebabkan “bahkan Tuhan, yang terbesar dari semuanya, gemetar kerana rasa sakit, dan

berdarah pada setiap pori, dan menderita baik tubuh mahupun roh” (A&P 19:18).

Dia menderita untuk saya.

Dia menderita untuk kamu.

Jiwa saya melimpahi dengan kesyukuran apabila saya merenungkan maksud pengorbanan ini. Saya berasa rendah hati untuk mengetahui bahawa semua yang menerima kurnia ini dan memalingkan hati mereka kepada Dia boleh diampun dan disucikan daripada dosa mereka, tidak kira betapa gelap kesalahan mereka atau betapa berat beban mereka.

Kita boleh menjadi sempurna dan suci sekali lagi. Kita boleh ditebus oleh pengorbanan abadi Juruselamat terkasih kita.

Siapa Akan Menolong Kita?

Walaupun kita tidak akan mengalami penderitaan Tuhan kita, kita masing-masing akan mengalami masa gelap dan masa pahit—masa apabila kesedihan dan kedukaan kita akan nampaknya lebih besar daripada keupayaan kita untuk menahan. Akan ada masa apabila keberatan dan kekesalan dosa kita akan menyerang kita tanpa belas kasihan.

Namun begitu, jika kita memalingkan hati kita kepada Tuhan pada masa itu, tentunya Dia akan tahu dan faham. Dia yang sudah menderita tanpa mementingkan diri untuk kita di dalam taman dan di atas salib, tidak akan tinggalkan kita tanpa bantuan. Dia akan memperkuatkan,

menggalakkan, dan memberkati kita. Dia akan mengelilingi kita di dalam pelukan kasih-Nya.

Dia akan menjadi lebih besar daripada seorang malaikat untuk kita.

Dia akan bawakan kita bantuan, penyembuhan, harapan, dan pengampunan.

Kerana Dia Penebus kita.

Pembebas kita.

Juruselamat dan Tuhan kita yang berbelas kasihan.

NOTA

1. Imam yang berucap pada pengebumian Frans Schwarz kata "lukisannya sudah dikurniakan dan nampaknya lebih berkuasa daripada banyak khutbah" (Emmie Buchanan-Whitlock, "History of Artists' Lives Gives Greater Context for Exhibit," *Deseret News*, Sep. 29, 2013, deseretnews.com).

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Sebelum kamu mengajar, carikan bimbingan Roh untuk menolong kamu memahami keperluan tertentu mereka yang kamu ajar. Semasa kamu kongsi petikan dari pesanan Presiden Uchtdorf, berikan kesaksian tentang Juruselamat dan korban tebusan-Nya. Bertimbang untuk menanya orang yang kamu ajar apakah erti Penebusan-Nya kepada mereka dan bagaimana mereka dapat rasa bantuan Tuhan semasa "masa gelap dan masa pahit" mereka.

REMAJA

Kejayaan Melalui Yesus Kristus

Nama Samaran

Saya ada satu cabaran lebih makan. Kelebihan makan saya mengakibatkan perasaan salah, kemarahan, dan kekecewaan yang besar. Saya rasa sangat lemah apabila saya cuba untuk mengatasi masalah saya.

Buat satu masa yang lama saya lupa bahawa Penebusan Juruselamat tidak hanya menyelamatkan kita tetapi juga menebuskan kita dan menyempurnakan kita, dan ini juga diaplikasi kepada tabiat lebih makan saya.

Saya buat keputusan untuk menyerahkan diri kepada Juruselamat saya. Saya mengakui kelemahan saya dan keperluan saya untuk menerima rahmat dengan tulus ikhlas, dan kemudian saya minta Bapa Syurgawi untuk memberkati saya bantuan ilahi-Nya pada hari yang akan datang. Malam itu saya dapat rasa kepastian seorang Bapa yang berbelas kasihan dan Dia ingin menolong anak-Nya dan berkuasa untuk melaksanakan kehendak-Nya.

Semenjak malam itu, makanan tidak lagi ada pengaruh yang kuat ke atas saya. Saya tahu Yesus Kristus ialah sebab kejayaan saya. Seperti Paulus, saya belajar bahawa "dengan kuasa yang diberikan oleh Kristus, aku berdaya menghadapi segala macam keadaan" (Filipi 4:13). Dan saya cuba tidak melupai lagi satu ajaran dari Paulus: "Kita bersyukur kepada Tuhan yang memberikan kemenangan kepada kita melalui Yesus Kristus Tuhan kita" (1 Korintus 15:57).

KANAK-KANAK

Juruselamat Akan Menolong Kamu

Tanya seorang ahli keluarga atau seorang rakan tentang satu masa apabila dia menerima bantuan dari Juruselamat. Cuba fikir tentang satu masa apabila Juruselamat menolong kamu. Kamu boleh lukiskan satu gambar tentang pengalaman itu dan gantungkan gambar itu di sebelah katil kamu untuk mengingatkan kamu bahawa Yesus Kristus akan sentiasa menolong kamu.



Iman, Keluarga,
Pertolongan

Atribut Yesus Kristus: Menahan Penderitaan dan Bersabar

Kajikan bahan ini dengan berdoa dan carikan perkara untuk dikongsikan. Bagaimana pemahaman tentang hidup dan peranan Juruselamat boleh meningkatkan iman kamu kepada Dia dan memberkat mereka yang kamu jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

Ini sebahagian siri Pesanan Pengajaran Berkunjung tentang sifat-sifat Juruselamat.

Kesabaran biasanya dianggap sebagai satu ciri yang diam-diam dan pasif, tetapi seperti yang dikatakan oleh Presiden Dieter F. Uchtdorf, Penasihat Kedua dalam Presidensi Pertama, “Kesabaran bukan satu serahan yang pasif, dan ia bukan gagal untuk bertindak kerana perasaan takut. Kesabaran bererti menunggu dan menahan dengan aktif . . . walaupun hasrat hati kita ditangguhkan. Kesabaran bukan untuk menahan sahaja; ia adalah menahan dengan baik!”

Dalam kehidupan fana kita, Bapa Syurgawi sudah sediakan satu rancangan untuk kita—anak-anak roh-Nya—dan kita berteriak dengan gembira demi peluang untuk datang ke bumi (lihat Ayub 38:7). Apabila kita memilih untuk menyelaraskan kehendak kita dengan kehendak-Nya sepanjang kehidupan di bumi ini, Dia “akan menjadikan [kita] alat dalam tangan-[Nya] untuk penyelamatan banyak jiwa” (Alma 17:11).

Presiden Uchtdorf terus kata, “Kesabaran bererti menerima perkara yang tidak boleh diubah dan menghadapi perkara itu dengan keberanian, beradab, dan

beriman. Ia bererti ‘rela untuk bersehar pada segalanya yang Tuhan anggap patut untuk ditimpakan ke atas [kita], bahkan seperti anak kecil berserah kepada ayahnya’ [Mosaia 3:19]. Sesudahnya, kesabaran bererti menjadi ‘teguh dan tabah, dan tak tergoyah dalam mentaati perintah-perintah Tuhan’ [1 Nefi 2:10] setiap jam setiap hari, mahupun pada masa yang susah.”¹

Ayat-ayat Suci Tambahan

Mazmur 40:1; Galatia 5:22–23;
2 Petrus 1:6; Alma 17:11

Dari Tulisan Suci

Tulisan suci memberitahu kita bahawa dalam kehidupan bumi kita, kita harus “bersabar dalam kesengsaraan, kerana [kita] akan mengalami banyak.” Kemudian Tuhan berikan kita janji yang menyenangkan hati, “Bertahanlah di dalamnya, kerana, tengoklah, Aku besertamu, bahkan sampai akhir masa hidupmu” (A&P 24:8).

Cerita Alkitab berikut ialah satu contoh kesabaran dan iman.

“Ada seorang wanita yang menderita penyakit pendarahan selama dua belas tahun . . . menyentuh hujung jubah [Kristus], dan dengan segera pendarahannya berhenti.

“Yesus berkata, ‘Ada orang yang

menyentuh Aku. Aku tahu kerana kuasa telah keluar daripada-Ku.

“Wanita itu sedar bahawa perbuatannya sudah diketahui oleh Yesus. Dia datang dengan gementar lalu sujud pada kaki Yesus. Di hadapan semua orang, dia memberitahu Yesus mengapa dia menyentuh Yesus dan bagaimana penyakitnya sembuh dengan serta-merta.

“Yesus berkata kepadanya, ‘Anak-Ku, kerana kamu percaya kepada-Ku, kamu sembuh. Pergilah dengan sejahtera’”(Lukas 8:43–48).

Seperti wanita itu, kita boleh mendapat berkat dan bantuan, mahupun penyembuhan, apabila kita hুলurkan tangan kepada Yesus Kristus—Penebusan-Nya boleh menyembuhkan kita.

NOTA

1. Dieter F. Uchtdorf, “Continue in Patience,” *Liahona*, Mei 2010, 57, 59.

Timbangkan ini

Dari cerita dalam Lukas 8, bagaimana kesabaran bertahun-tahun dan iman wanita itu kepada Yesus Kristus diganjarkan?